

**[LEGISLATION OF IHDAD AND PROHIBITION THROUGHOUT THE PERIOD FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAM]**

**PENSYARIATAN IHDAD DAN LARANGAN SEPANJANG TEMPOH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

NABILAH NURSHUHADA ZAINAL ABIDIN <sup>1\*</sup>

NORMADIAH DAUD<sup>1</sup>

SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSSIN<sup>1</sup>

NADHIRAH NORDIN<sup>1</sup>

ZURITA MOHD YUSOFF<sup>1</sup>

SITI KHATIJAH ISMAIL<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu  
Malaysia.

\*Corresponding Author: normadiah@unisza.edu.my

Received Date: 8 June 2023 • Accepted Date: 31 October 2023

**Abstract**

The observance of idah by a woman following the death of her husband for a period of four months and ten days encompasses several crucial aspects as the prohibition of remarriage and others obligation to maintain *ihdad* throughout the designated period. The practice of *ihdad*, also known as the mourning period in the community represents a specific responsibility that a wife must undertake upon her husband's demise. While some scholars have allowed for limited flexibility (*rukhsah*) in the implementation of *ihdad*, it indirectly led to a lack of understanding and a more lenient interpretation among some women in understanding the requirements of *ihdad*, which can subsequently lead to deviations from the Shariah's prescribed guidelines. Hence, this study aims to clarify the legal aspects of *ihdad* and its associated prohibitions that should be adhered to during the prescribed waiting period. To accomplish this, a qualitative methodology is employed, utilizing primary sources like classical Islamic texts and secondary sources, which include previous studies and relevant literature. Content analysis is used as the methodology to gather information and reach conclusions in line with the research objectives. This study evidently demonstrates that compliance with the prohibitions related to *ihdad* is closely intertwined with meeting the waiting period requirements for women whose husbands have passed away. A comprehensive comprehension and faithful observance of *ihdad* facilitate the achievement of the objectives outlined by Shariah and promote the authentic application of Islamic law. Fundamentally, this research is anticipated to play a role in enriching the community's comprehension, particularly among women, regarding the practice of *ihdad* as a religious approach for addressing one of life's trials and safeguarding the well-being of the community.

Keywords: Idah wafat, Provisions of *ihdad*, Prohibition of *ihdad*

## Abstrak

Pelaksanaan idah bagi wanita kematian suami selama empat bulan sepuluh hari terdiri daripada beberapa perkara penting seperti tidak dibenarkan berkahwin lain serta kewajipan berihdad sepanjang tempoh tersebut. Ketetapan pelaksanaan *ihdad* yang turut dikenali sebagai tempoh berkabung dalam kalangan masyarakat adalah suatu bentuk tanggungjawab khusus yang perlu dilaksanakan oleh seorang isteri apabila berlakunya kematian suami. Meskipun terdapat sedikit keringanan (rukhsah) diberikan oleh ulama dalam pelaksanaan *ihdad* ini, secara tidak langsung ianya telah menjurus kepada sikap ketidakcaknaan dan bermudah-mudah golongan wanita dalam memahami tuntutan *ihdad* yang seterusnya dapat menyebabkan kecacatan pelaksanaan *ihdad* menurut kehendak syarak. Justeru, kajian ini dilakukan bagi menjelaskan pensyariatan *ihdad* serta larangan-larangannya yang perlu dipatuhi dalam tempoh idah sebagaimana yang telah ditetapkan. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang memanfaatkan sumber primer seperti kitab-kitab turath dan sumber sekunder yang terdiri daripada kajian-kajian terdahulu serta buku-buku berkaitan. Kaedah analisis kandungan diguna pakai dalam mendapatkan maklumat bagi membentuk kesimpulan yang bertepatan dengan matlamat kajian. Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pematuhan terhadap larangan-larangan berkaitan *ihdad* adalah berkait rapat dalam memenuhi tuntutan idah wanita kematian suami. Pengamalan *ihdad* dengan pemahaman yang benar akan membolehkan maqasid pensyariatan dicapai sekaligus menyuburkan pelaksanaan syariat dengan konsep yang sebenar. Tegasnya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembentukan pemahaman masyarakat khususnya golongan wanita mengenai pelaksanaan tuntutan *ihdad* sebagai suatu bentuk pendekatan agama dalam menangani salah satu ujian kehidupan di samping memelihara kemaslahatan umatnya.

Kata kunci: Idah wafat, Pensyariatan *ihdad*, Larangan *ihdad*

**Cite as:** Nabilah Nurshuhada Zainal Abidin, Normadiah Daud, Syh Noorul Madiyah Syed Hussin, Nadhirah Nordin, Zurita Mohd Yusoff & Siti Khatijah Ismail. Pensyariatan Ihdad Dan Larangan Sepanjang Tempoh Menurut Perspektif Islam. [Legislation Of Ihdad And Prohibition Throughout The Period From The Perspective Of Islam] *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(1): 139-153.

## 1.0 PENGENALAN

Perpisahan dengan insan tersayang baik secara hidup ataupun mati, kedua-duanya mendarangkan rasa dukacita dan kesedihan dalam diri individu yang ditinggalkan. Apabila perpisahan yang disebabkan oleh kematian suami berlaku dalam sebuah perkahwinan, terdapat dua tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh seorang isteri iaitu idah dan *ihdad*. Secara umum, idah adalah tempoh waktu tertentu yang mengandungi unsur *ta'abudiyyah* (pengabdian diri) di samping tujuan memastikan kesucian rahim seorang wanita daripada benih suami (al-Gharnati, 2003; al-Syirbini, 2006; al-Khin et al., 2012). Manakala tuntutan pelaksanaan *ihdad* merupakan suatu tuntutan tambahan ke atas isteri yang kematian suami sebagai tempoh bersedih atas kehilangan nikmat perkahwinan (Ibn Qudamah, t.t; al-Kasani,

2000; al-Ramli, 1967) di samping menghargai kebaikan dan pengorbanan arwah suami sebelum memulakan kehidupan yang baharu (Taufek, 2021). Tempoh *ihdad* yang turut bersamaan dengan tempoh idah wafat iaitu selama empat bulan sepuluh hari adalah waktu yang ditetapkan syarak dalam menyempadankan tahap kesedihan agar tidak berlebihan di samping membantu keluarga dalam meneruskan semula kehidupan (Azhar, 2019).

*Ihdad* yang berasal daripada kalimah *hadda* membawa maksud mencegah, dengan merujuk kepada tegahan daripada menghias badan dengan emas dan perak seperti gelang atau cincin (al-Syirbini, 2013). Qurtubi (2010) turut menyebutkan bahawa kewajipan *ihdad* adalah merangkumi semua wanita yang kematian suami, termasuklah mereka yang belum didatangi haid kerana antara tujuan *ihdad* disyariatkan adalah bagi mengelakkan keinginan lelaki kepada wanita yang baru sahaja kematian suami. Pelaksanaan *ihdad* adalah merangkumi beberapa larangan seperti tegahan mengenakan perhiasan pada diri dan pakaian, wangian serta memakai perhiasan dalam tempoh tersebut. Simboliknya larangan tersebut dikenakan antaranya kerana telah hilangnya nikmat pakaian, perhiasan dan wangian yang kebiasaannya disediakan oleh seorang suami kepada seorang isteri (Hasan, 2016). Para ulama turut menegaskan bahawa golongan wanita yang beridah namun meninggalkan tuntutan *ihdad* adalah dianggap derhaka kepada Allah (Taufek, 2021; Afadi, 2023).

Di sebalik pensyariatan *ihdad* yang seakan membataskan kebebasan seorang wanita, ianya adalah bagi mengelakkan berlakunya keinginan lelaki ajnabi kepada wanita yang sedang beridah. Ini adalah suatu bentuk prinsip syarak yang dikenali sebagai *sad az-zarai'*, yang bererti sebagai menutup jalan yang membawa kepada kerosakan. *Illah* kepada hukum *ihdad* ini adalah bagi memelihara wanita daripada perkahwinan yang diharamkan sepanjang tempoh idah (Syahriyati, 2020). Meskipun asal pelaksanaan *ihdad* ini adalah sebahagian daripada tradisi berkabung wanita Arab Jahiliyah, interpretasi semula konsep *ihdad* yang diterapkan oleh syarak dengan kadar tempoh yang relevan dan beberapa bentuk larangan khusus sememangnya merupakan suatu pelengkap kepada maqasid pensyariatan idah (Waliko, 2015; Khoiri & Muala, 2020; Taufek, 2021).

Pentingnya kajian ini adalah bagi memastikan pengetahuan asas mengenai tuntutan *ihdad* dan perincian pelaksanaannya diketahui dan difahami dengan baik sebelum perbahasan berkaitan *ihdad* ini bergerak kepada perbahasan *furu'* (cabang). Perbincangan kontemporari berkaitan *ihdad* kini dilihat sering berlegar di sekitar permasalahan seperti isu wanita bekerja dalam melaksanakan tuntutan idah dan *ihdad* serta keringanan yang diperuntukan (Khoiri & Muala, 2020; Mahalidia & Ibrahim; 2021; Salleh et al., 2022; Afadi, 2023), isu kesetaraan gender (Wahdah et al., 2019) dan prinsip-prinsip syarak (Waliko, 2015; Baharun & Adhimiy, 2018) yang mendasari pelaksanaan *ihdad* ini. Walau bagaimanapun, kefahaman menyeluruh mengenai konsep *ihdad* perlulah dikuasai terlebih dahulu agar pelaksanaannya dapat memenuhi matlamat pensyariatan yang digariskan syarak.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan (library research), yang mana proses pengumpulan data kajian ini melibatkan pengumpulan data daripada buku-buku, kitab-kitab dan juga penulisan artikel, jurnal serta lain-lain yang berkaitan dengan ruang lingkup kajian ini. Penelitian dan penganalisisan maklumat daripada kitab-kitab seperti *al-Fiqh al-Manhaji*

oleh al-Khin et al. (2012), kitab *Mughni al-Muhtaj* karangan al-Syirbini (2006) dan kitab *Nihayat al-Muhtaj* karya al-Ramli (1967) yang merupakan karya-karya ulama mazhab Syafi'i (Ibrahim, 2019; Abdullah et al., 2022). Ini adalah bagi mendapatkan gambaran konseptual mazhab Syafi'i dalam perbahasan berkaitan *ihdad* wanita sekaligus dapat diamalkan sesuai dengan pengamalan mazhab di Malaysia ini. Seterusnya, kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan iaitu prosedur yang melibatkan semakan atau penilaian bahan bercetak seperti buku, dokumen, diari, artikel dan lain-lain serta dokumen elektronik yang berdasarkan kepada komputer dan penghantaran internet (Bowen, 2009). Ini adalah selari dengan fokus kaedah analisis data bagi memperoleh maklumat secara mendalam melalui penelitian dan pengenalpastian masalah sebelum rumusan secara kritis disimpulkan pada akhir kajian (Long, 2018).

### **3.0 DAPATAN KAJIAN**

#### **3.1 PENSYARIATAN IHDAD**

Majoriti ulama mazhab fiqh berpendapat bahawa setiap wanita yang kematian suami adalah diwajibkan untuk berihdad. Namun terdapat juga sebahagian kecil ulama seperti Imam Hasan al-Basri dan Imam al-Sya'bi yang berpandangan sebaliknya. Pendapat kedua ini adalah amat lemah, naif malah menyalahi pandangan majoriti ulama dalam perkara berkabungnya isteri atas kematian suami. Jumhur ulama yang bersepakat mengenai kewajipan *ihdad* wanita kematian suami telah berhujah berdasarkan kepada dalil berikut (Taufek, 2021):

عن زينب بنت أبي سلمة رضي الله عنهمَا قالت: دخلت على أم حبيبة رضي الله عنها زوج النبي صلى الله عليه وسلم حين توفي أبوها أبو سفيان بن حرب رضي الله عنه، فدعت بطيب فيه صفة خلوق أو غيره، فدهنت منه جارية ثم مسست بعارضيها. ثم قالت: والله ما لي بالطيب من حاجة، غير أني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول على المنبر: (لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر أن تحد على ميت فوق ثلات ليال، إلا على زوج أربعة أشهر وعشراً)

*Hadith Zainab binti Ummu Salamah berkata: Aku datang menziarahi Ummi Habibah ketika ayahnya, Abu Sufian meninggal dunia. Ummi Habibah meminta wangian yang berwarna kekuningan atau sebagainya, kemudian dipakaikan kepada hamba perempuannya serta disapukan ke pipinya. Lalu beliau berkata: "Demi Allah, tidaklah aku memerlukan wangian ini, melainkan aku pernah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda di atas mimbar":*

لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر أن تحد على ميت فوق ثلات ليال، إلا على زوج أربعة أشهر وعشراً

*Maksud: "Tidak diharuskan bagi seseorang wanita yang beriman kepada*

*Allah dan hari kiamat berihdad atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan untuk suaminya selama empat bulan sepuluh hari”.*

(HR Bukhari, no. 5334)

قالت زينب: ثم دخلت على زينب بنت جحش رضي الله عنها حين توفي أخوها، فدعت بطيب فمسحت منه، ثم قالت: أما والله ما لي بالطيب من حاجة، غير أني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول على المنبر: (لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر أن تحد على ميت فوق ثلاث إلا على زوج أربعة أشهر وعشراً) متفق عليه.

*Setelah itu, Zainab berkata: “Aku juga menziarahi Zainab binti Jahsyi ketika kematian adiknya. Beliau meminta wangian dan menyapunya seraya berkata: “Aku tidak memerlukan wangian ini, namun aku pernah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda di atas mimbar”:*

لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر أن تحد على ميت فوق ثلاث إلا على زوج أربعة أشهر وعشراً

*Maksud: “Tidak diharuskan bagi seseorang wanita yang beriman kepada Allah dan hari kiamat berihdad atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan untuk suaminya selama empat bulan sepuluh hari”.*

(HR. Bukhari, no. 1282)

Dari segi logiknya, kewajipan ini boleh dianggap sebagai suatu bentuk penyataan seorang isteri tentang hak suaminya yang tetap akan dipenuhi, meskipun telah meninggal dunia. Pelaksanaan ihdad juga merupakan suatu gambaran kesedihan yang diharuskan Islam terhadap ujian atau kesedihan yang menimpa dirinya dan keluarga kerana telah hilangnya hubungan kasih sayang, kebahagiaan dan persahabatan yang pernah dijalin bersama. Ia juga sebuah refleksi kepada kehilangan nikmat kehidupan seorang isteri di sisi agama, iaitu nikmat perkahwinan itu sendiri (Taufek, 2021). Hal ini adalah kerana melalui perkahwinan, seorang wanita akan terpelihara daripada terjerumus ke dalam maksiat, diperlakukan dengan penuh kasih sayang, diberi nafkah oleh suami serta lain-lain lagi (Sabiq, 1980). Justeru adalah wajar untuk kewajipan ihdad dilaksanakan dalam menzahirkan kehilangan dan kedukaan di atas musibah yang menimpa dirinya. Malah, seorang isteri yang tidak melaksanakan ihdad adalah dikira sebagai melakukan kesalahan dan berdosa kerana ketidakpatuhannya kepada perintah syarak (Taufek, 2021; Afadi, 2023). Adapun, ulama yang tidak mewajibkan pelaksanaan ihdad ke atas wanita kematian suami telah berhujah dengan bersandarkan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Syaddad bin Had, dari Asma' binti Uwais, beliau berkata: “Apabila Jaafar bin Abi Talib meninggal dunia, Rasulullah bersabda kepadaku”:

سلبي ثلاثة، ثم اصنع بعد ما شئت

*Maksud: “Pakailah pakaian ihdad selama tiga hari (termasuk malamnya), kemudian buatlah apa sahaja yang kamu mahu”.*

(Fath al-Bari, kitab al-Talak, Bab 9/608)

Hasan al-Basri merupakan antara ulama yang tidak mewajibkan *ihdad* bagi isteri kematian suami. Beliau menyebutkan adalah dibenarkan golongan isteri yang ditalak tiga kematian suami untuk memakai celak, inai atau apa sahaja yang mereka kehendaki. Penghujahan berdasarkan kepada hadith tersebut walau bagaimanapun dibidas kerana riwayat ini adalah menyalahi riwayat sahih yang lain serta tidak diperbolehkan berhujah atau berpegang dengannya. Menurut Ibnu Munzir, para ulama menolak hadith ini daripada dijadikan hujah dan dinyatakan sebahagian daripada hadith syaz (menyalahi yang lain) yang tidak dapat dijadikan pegangan oleh Imam Ahmad dan Ishak (al-Qurtubi, 2010). Meskipun terdapat perselisihan dalam perkara ini, tidaklah cacat dalil yang berkenaan melainkan didahulukan hadith-hadith lain yang lebih sahih dalam perbahasan berkaitan *ihdad* isteri kematian suami (al-Asqalani, 1991).

### 3.2 SEBAB DAN SYARAT KEWAJIPAN *IHDAH*

Kematian suami adalah sebab utama tuntutan *ihdad* dikuatkuasakan ke atas seorang isteri, bersamaan dengan pelaksanaan idah wafat selama empat bulan sepuluh hari. Ini adalah berdasarkan kepada dalil al-Quran dan hadith Nabi yang berikut:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّونَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَبَصَّنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةً أَشْهُرٍ وَعَشْرًا

*Maksud:* “Orang-orang yang meninggal dunia di antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (beridah) empat bulan sepuluh hari”.

[al-Baqarah (2): 234]

لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تَؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تَحْدُ عَلَى مَيْتٍ فَوْقَ ثَلَاثٍ إِلَّا عَلَى زَوْجٍ أَرْبَعَةٌ أَشْهُرٌ

وَعَشْرًا

*Maksud:* “Tidak diharuskan bagi seseorang wanita yang beriman kepada Allah dan hari kiamat berihdad atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan untuk suaminya selama empat bulan sepuluh hari”.

(HR. Bukhari, no. 5334; HR. Muslim, no. 1486)

Selain daripada faktor kematian suami, terdapat beberapa syarat yang menjadikan seseorang isteri berkewajipan dalam melaksanakan *ihdad* yang mana ada syarat yang disepakati dan yang diperselisihan dalam kalangan ulama fiqh. Ketetapan syarat *ihdad* yang telah disepakati adalah wanita yang sedang beridah itu merupakan seorang wanita muslimah, berakal, baligh dan melalui pernikahan yang sahih. Namun, terdapat perbezaan pendapat dalam beberapa perbahasan mengenai syarat *ihdad*.

Ketetapan syarat muslimah ke atas wanita dalam menguatkuasakan kewajipan *ihdad* telah disepakati oleh jumhur ulama, dengan turut merangkumi isteri *Kitabiah* (ahli kitab), iaitu isteri yang berasal daripada Yahudi dan Nasrani. Dalam masa yang sama, Abu Hanafiah dan Ibn Qayyim (Ghazali, 2002; Muslimin, 2017) berpendapat bahawa isteri *zimmiyah*

(wanita bukan Islam yang menetap dalam negara Islam) tidak berkewajipan dalam melaksanakan *ihdad* melainkan dengan perintah hakim muslim. Ulama turut bersepakat bahawa tiada kewajipan ber*ihdad* bagi isteri yang berada di dalam pernikahan yang tidak sah seperti nikah syubhah atau fasid. Di samping itu, syarat akal dalam penanggungan tuntutan *ihdad* menurut jumhur ulama tetap mewajibkan wanita yang gila untuk ber*ihdad*. Pandangan ini walau bagaimanapun berbeza dengan mazhab Hanafiah yang mengecualikan wanita gila daripada tuntutan ini kerana akal adalah punca tanggungjawab dalam syariat. Begitu juga dengan pengecualian mazhab Hanafiah ke atas isteri yang belum baligh, sementara jumhur ulama tetap mewajibkan pelaksanaan *ihdad* kepada isteri yang belum baligh (Taufek, 2021).

### **3.3 TEMPOH *IHDAD* DALAM ISLAM**

Pensyariatan *ihdad* hanya dikenakan kepada golongan wanita sahaja dan merupakan tempoh yang bersamaan dengan tempoh idah. Ia juga tidak terhad kepada kematian suami semata-mata, malah turut dilaksanakan apabila berlakunya kematian ahli keluarga terdekat. Dari sudut perubatan, golongan wanita lebih terdedah kepada gangguan kebimbangan dan depresi berbanding lelaki apabila berlakunya kematian (Bistricean & Shea, 2021). Pengasingan diri dan sokongan insan sekeliling merupakan antara kaedah pengurusan emosi yang dapat diimplementasikan dalam menangani cabaran dan tekanan kehidupan (Amran & Hussin, 2020). Penetapan ini yang berdasarkan kepada dalil al-Quran, hadith dan ijmak para sahabat Nabi adalah sebagai ruang waktu bagi pemulihan diri dan kesedihan yang dialami malah melibatkan beberapa tempoh berkabung yang berbeza di sisi agama Islam sepertimana berikut:

لَا يَحِلُّ لِامْرأةٍ تَؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تَحْدُّ عَلَى مَيْتٍ فَوْقَ ثَلَاثٍ إِلَّا عَلَى زَوْجٍ أَرْبَعَةً أَشْهُرٍ  
وعشرًا

Maksud: “Tidak diharuskan bagi seseorang wanita yang beriman kepada Allah dan hari kiamat berihdad atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan untuk suaminya selama empat bulan sepuluh hari”.

(HR. Bukhari, no. 5334; HR. Muslim, no. 1486)

Sekiranya kematian yang berlaku melibatkan ahli keluarga wanita tersebut, adalah dibenarkan baginya untuk *ihdad* selama tiga hari sahaja atau kurang dan tidak dibenarkan melebihi tempoh tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada hadith Zainab dan Ummu Habibah yang berkisarkan mengenai *ihdad* mereka apabila berlakunya kematian anggota keluarga terdekat mereka dengan mengenakan wangian sebagai tanda berakhirnya perkabungan mereka setelah tiga hari. Melalui hadith tersebut boleh didapati tempoh *ihdad* bagi wanita yang kematian suami, iaitu selama empat bulan sepuluh hari. Walau bagaimanapun, terdapat ketetapan tambahan bagi tempoh berkabung wanita asbab kematian suami. Bagi wanita yang tidak hamil (حائل), tempoh *ihdad* baginya juga adalah kekal empat bulan sepuluh hari, sama ada masih haid atau telah berhenti haidnya, serta sama ada pernah disetubuhi suaminya atau sebaliknya. Manakala bagi wanita hamil yang kematian suami (حامل), tempoh *ihdad*nya adalah sehingga dirinya melahirkan anaknya sama ada dalam keadaan gugur, hidup atau mati anak

tersebut, bersamaan dengan tempoh idahnya (Ibn Katsir, 1987). Ketetapan ini adalah berdasarkan kepada firman Allah S.W.T:

وَأُولَاتُ الْأَجْنَمَالِ أَجْلَهُنَّ أَنْ يَضْعُنَ حَمْلَهُنَّ

*Maksud: "Dan perempuan-perempuan yang hamil, waktu idah mereka itu adalah sehingga mereka melahirkan kandungannya.*

[at-Talaq (65): 4]

Sebaik sahaja lahir anak tersebut, maka berakhirlah idah dan *ihdad* wanita hamil kematian suami tanpa mengira lama atau singkat tempoh tersebut. Ini merupakan pendapat jumhur ulama yang merangkumi keempat-empat mazhab. Namun, terdapat juga pendapat lain yang menyatakan bahawa idah dan *ihdad* wanita hamil tidak memadai dengan hanya melahirkan kandungan sahaja (jika tempohnya lebih pendek) melainkan perlu beridah dan ber*ihdad* dengan tempoh yang lebih panjang. Pandangan ini disandarkan kepada pendapat Saidina Ali bin Abi Talib yang menyatakan bahawa sekiranya seseorang wanita hamil melahirkan anak sebelum tempoh empat bulan sepuluh hari, maka dia dikehendaki beridah (menunggu) sehingga genap empat bulan sepuluh hari meskipun telah melahirkan anak. Adapun jika telah selesai tempoh empat bulan sepuluh hari namun wanita berkenaan masih belum melahirkan anak, maka perlulah menunggu sehingga selesai melahirkan anak untuk dikira sebagai selesai idah dan *ihdad*nya. Pandangan ini merupakan gabungan daripada dua dalil yang berkaitan dengan tempoh idah dan *ihdad* kematian dan wanita hamil, iaitu daripada surah al-Baqarah ayat 234 dan surah al-Talaq ayat 4 (Ibn Katsir, 1987).

Secara keseluruhannya, perbincangan yang meliputi dalil pensyariatan, sebab dan syarat serta tempoh pelaksanaan *ihdad* merupakan perkara asas yang perlu diketahui dan difahami dalam mendapatkan gambaran konsep *ihdad* secara umum. Meskipun terdapat bahagian yang mungkin kurang relevan pada pandangan akal, sebagai contoh berkenaan tempoh *ihdad* diwajibkan ke atas wanita kematian suami, ianya merupakan sebahagian daripada pensyariatan ibadah yang bersifat *ta'abudiy* (pengabdian diri) yang tidak akan berubah seiring zaman (Maula, 2014). Justeru, pelaksanaan *ihdad* adalah wajib dilaksanakan berdasarkan prinsip tersebut meskipun berdepan dengan pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi pelaksanaannya seperti faktor pekerjaan, gandaan peranan, pendidikan dan lain-lain.

#### 4.0 LARANGAN SEPANJANG TEMPOH *IHDAD* KE ATAS WANITA KEMATIAN SUAMI

Wanita yang kematian suami adalah diwajibkan ber*ihdad* bersamaan dengan pelaksanaan idah wafat. Pensyariatan ini merupakan tuntutan sampingan khusus bagi wanita kematian suami di sisi agama Islam. Sepanjang tempoh ini, seorang wanita adalah tertakluk kepada beberapa larangan seperti larangan menggunakan sebarang bentuk perhiasan yang bertujuan mencantikkan diri dan menarik perhatian golongan lelaki kepada dirinya. Antara larangan tersebut adalah larangan memakai wangian, alat solek, barang perhiasan dan perhiasan pada pakaian. Golongan wanita kematian suami juga adalah dilarang meninggalkan kediaman

yang didiaminya sepanjang tempoh idah meskipun suaminya telah meninggal dunia (Taufek, 2021).

#### **4.1 LARANGAN MEMAKAI WANGIAN**

Penggunaan wangian dapat menarik perhatian dan mendorong keinginan nafsu golongan lelaki kepada wanita. Oleh itu, pemakaian sepangang tempoh *ihdad* adalah dilarang, baik pada badannya atau pakaian sebagai simbolik dalam menzahirkan kesedihan di atas musibah kematian suaminya di samping bagi mengelakkan daripada terjadinya perbuatan yang diharamkan seperti zina, khalwat dan lain-lain lagi lantaran berpunca daripada wangian yang dipakai. Rasulullah S.A.W. bersabda:

وَلَا تُمْسِّ طِيبًا إِلَّا عِنْدَ أَدْنِي طَهْرِهَا إِذَا تَطَهَّرْتُ مِنْ حِيْضَرَهَا بِنَبْذَةٍ مِنْ قَسْطٍ أَوْ أَظْفَارٍ

*Maksud: “Dan janganlah seorang wanita itu memakai wangian melainkan setelah suci daripada haidnya dengan secubit kapas atau seruas kukunya”*

(HR. Muslim, no. 3740)

Terdapat dua pendapat mengenai penggunaan minyak yang bukan jenis wangian seperti minyak sapi, minyak kelapa dan seumpamanya. Mazhab Maliki, Hanbali dan Zahiri mengharuskannya kerana ianya tidak dikira sebagai wangian. Manakala mazhab Syafi'i dan Hanafi melarangnya melainkan jika dalam keadaan darurat kerana terkandungnya unsur perhiasan pada pemakaian minyak tersebut, lebih-lebih lagi jika digunakan pada rambut (al-Syirbini, 2006).

#### **4.2 LARANGAN MEMAKAI PERHIASAN DIRI**

Seorang wanita yang sedang berihdad juga dilarang daripada mengenakan sebarang perhiasan pada dirinya seperti dengan memakai inai, alat solek, melukis bunga pada wajah dan tangan (henna lukisan) atau seumpamanya yang dapat mendorong kepada keindahan dirinya sehingga menarik minat golongan ajnabi terhadap dirinya (Taufek, 2021). Ketetapan ini adalah berdasarkan kepada beberapa riwayat berikut:

لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تَحْدُ عَلَى هَالَكِ فَوْقَ ثَلَاثٍ إِلَّا عَلَى زَوْجٍ فَإِنَّهَا تَحْدُ

أَرْبَعَةً أَشْهُرٍ وَعَشْرًا وَلَا تَلْبِسْ ثَوْبًا مَصْبُوْغًا وَلَا ثَوْبٌ عَصْبٌ وَلَا تَكْتَحِلُ بِالْإِثْمَدِ وَلَا تَخْتَضِبُ

وَلَا تُمْسِّ طِيبًا إِلَّا عِنْدَ أَدْنِي طَهْرِهَا إِذَا تَطَهَّرْتُ مِنْ حِيْضَرَهَا بِنَبْذَةٍ مِنْ قَسْطٍ أَوْ أَظْفَارٍ

*Maksud: “Tidak diharuskan bagi seseorang wanita yang beriman kepada Allah dan hari kiamat berihdad atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan untuk suaminya selama empat bulan sepuluh hari. Janganlah dia memakai pakaian yang dicelup melainkan dengan pakaian jerut, juga janganlah dia memakai celak dan mengenakan wangian melainkan ketika suci daripada haidnya dengan secubit kapas atau seruas kukunya”.*

(HR. Muslim, no. 3740)

Dari Ummu Salamah, beliau berkata: Datang seorang wanita menemui Rasulullah S.A.W. lalu bertanya: “*Wahai Rasulullah, anak perempuanku kematian suaminya dan dia mengadu sakit mata. Adakah boleh aku mencelakkannya?*”. Sabda Rasulullah: “*Tidak boleh*” (diulangi secara dua atau tiga kali).

Dari Ummu Salamah lagi, beliau berkata: “Aku masuk bertemu Rasulullah S.A.W. ketika kematian Abu Salamah dan ketika itu aku memakai ‘alovera’ pada bahagian atas mataku”. Sabda Baginda: “*Apakah itu?*”. Aku menjawab: “*Ia adalah alovera dan tiada wangian padanya*”. Sabda Baginda lagi: “*Ia dapat menegangkan kulit, jangan gunakannya melainkan pada waktu malam, buangkanlah ia pada waktu siang, jangan bersikat dengan wangian dan janganlah juga berinai kerana ia adalah celupan*”. Aku bertanya: “*Lalu dengan apa aku akan bersikat?*”. Sabda Baginda: “*Dengan daun bidara, bungkuslah kepalamu dengannya*”.

(Sunan Abu Daud, no. 2305)

Melalui hadith-hadith di atas, jumhur ulama telah bersepakat mengenai pengharaman penggunaan perhiasan pada diri wanita yang berihdad tanpa sebarang keperluan mendesak. Adapun pada perbahasan pemakaian celak wanita berihdad, terdapatnya khilaf pendapat yang menyatakan ketidakharusan pemakaian celak wanita berihdad sama ada dibimbangi terhadap matanya atau lain-lain memandangkan adanya dalil umum yang milarang dan ini adalah menurut pendapat Zahiriah dan satu riwayat Malikiah (Ibn Hazim, 456H). Pendapat tersebut walau bagaimanapun berbeza dengan pandangan jumhur ulama yang mengharuskannya atas dasar keperluan mendesak dengan syarat penggunaan pada waktu malam sahaja. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada hadith Ummu Salamah yang berkisarkan mengenai pemakaian alovera pada bahagian atas matanya ketika waktu *ihdadnya* (Taufek, 2021).

#### **4.3 LARANGAN PERHIASAN PADA PAKAIAN**

Selain daripada perhiasan diri, wanita berihdad juga dilarang daripada mengenakan sebarang bentuk barang perhiasan atau apa jua sesuatu yang dapat menjurus ke arah menonjolkan kecantikan dirinya. Ini adalah termasuk pakaian yang dicelup warna-warna perhiasan (Taufek, 2021) seperti pakaian yang dicelup dengan warna merah (*mu'asfar*), warna saffron (*muza'far*) serta warna-warna lain yang menyerlahkan kecantikan seseorang wanita (Taufek, 2021; al-Sarkhosy, t.t). *Mu'asfar* adalah warna yang terhasil daripada tumbuhan dengan bunga berbentuk silinder yang tumbuh di Tanah Arab pada musim panas manakala *muza'far* adalah pewarna yang dihasilkan menggunakan tumbuhan berumbi dari kelompok bunga lili dengan bau yang menarik (Thawilah, 2014).

Justeru, wanita yang berihdad digalakkan menggunakan pakaian yang tidak terlalu terang seperti warna biru, hijau, hitam dan sebagainya yang tidak menarik perhatian lelaki ajnabi kepada dirinya (al-Ramli, 1967). Namun, sekiranya pemakaian seumpama yang telah dilarang disebabkan keperluan yang mendesak seperti untuk menutup aurat, maka ianya dibolehkan malah dituntut oleh syarak. Adapun jika ianya dipakai dengan niat sengaja dan untuk mempamerkan kecantikan dirinya, maka ianya adalah dilarang kerana telah bertentangan dengan tujuan asal *ihdad* iaitu menzahirkan kesedihan di samping akan

mengundang minat lelaki ajnabi (al-Sarkhosy, t.t). Antara hadith yang menyebutkan mengenai ketetapan ini adalah seperti berikut:

لَا تلبس ثوبيا مصبوغا

*Maksud: “Janganlah dia memakai pakaian yang bercelup”.*

(HR. Muslim, no. 3740)

المتوفى عنها زوجها لا تلبس المعصفر من الشياب ولا الممشقة

*Maksud: “Isteri yang kematian suami tidak diharuskan memakai pakaian mu’asfar (celupan merah) dan mumassyaq (celupan berwarna tanah merah”.*

(Sunan Abu Daud, no. 2304)

#### 4.4 LARANGAN MEMAKAI BARANGAN PERHIASAN

Larangan pemakaian barang perhiasan turut menjadi sebahagian daripada pelaksanaan *ihdad*, di samping tegahan penggunaan perhiasan pada badan dan pakaian. Ketetapan ini merupakan pandangan majoriti ulama yang mana merangkumi semua bentuk perhiasan seperti emas, perak, cincin, gelang, subang telinga, permata dan seumpamanya. Ini adalah berdasarkan kepada konteks umum riwayat larangan pemakaian perhiasan semasa berihdad di samping ketiadaan riwayat lain yang mengecualikan mana-mana bentuk perhiasan dalam perkara ini. Tegahan ini adalah wajar memandangkan penggunaan perhiasan pada tubuh, pakaian dan anggota badan akan dapat menonjolkan kecantikan seseorang wanita sekaligus menarik perhatian lelaki ajnabi dalam tempoh ini. Ketetapan ini telah disandarkan kepada hadith Ummu Salamat yang bermaksud:

*“Wanita yang kematian suami janganlah (tidak dibenarkan) memakai baju mu’asfar (dengan celupan merah), mumassyaq (dengan celupan tanah merah), dan jangan (menggunakan) perhiasan, dan jangan berinai (pada tangan dan kaki), dan jangan bercelak”.*

(Sunan Abu Daud, no. 2304)

Terdapat juga pandangan lain yang membataskan larangan tersebut kepada lima perkara yang dinyatakan di dalam riwayat di atas sahaja, iaitu wangian, celak, baju bercelup, celupan inai dan menyikat rambut. Ini bermakna pandangan ini mengharuskan pemakaian emas, perak, rantai, permata dan perhiasan lain yang tidak disebutkan di dalam hadith. Pendapat di atas walau bagaimanapun dianggap lemah memandangkan penghujahannya tidak disandarkan kepada mana-mana sumber melainkan kepada kaedah asal hukum yang mengharuskan setiap sesuatu selama tiada dalil yang melarang. Begitu juga dengan pandangan ‘Ato yang tidak menyandarkan pendapatnya pada mana-mana dalil, namun membenarkan penggunaan perhiasan perak bagi wanita berihdad (Taufek, 2021).

#### 4.5 LARANGAN MENINGGALKAN RUMAH

Kewajipan berihdad juga memerlukan seseorang wanita untuk tidak meninggalkan rumah di mana pelaksanaan idah dijalankan. Ini adalah pandangan jumhur ulama yang turut mensyaratkan adanya jaminan keselamatan dalam mendiami sesbuah rumah sepanjang tempoh idah, baik rumah sewa atau rumah milik suaminya (al-Syirbini, 2006). Syeikh Wahbah al-Zuhayli (2004) mengkhususkan larangan tersebut kepada waktu malam sementara mengharuskan jika perbuatan tersebut dilakukan pada siang hari dengan tujuan untuk memenuhi keperluan kehidupannya dan keluarga. Adapun sekiranya wujud elemen kemudaratan ketika seorang wanita berada di rumah, tempat idah dan *ihdadnya* dilaksanakan seperti risiko diserang musuh, dimasuki pencuri, roboh atau tenggelam dalam air maka tidak diharuskan baginya untuk menetap di situ bahkan diwajibkan berpindah demi kemaslahatan dirinya (al-Zuhayli, 2004; al-Syirbini, 2006). Begitu juga sekiranya terdapat ancaman oleh pemilik rumah bagi kediaman sewa yang didiami seperti dipaksa keluar, enggan menyambung perjanjian atau menaikkan harga sewaan tanpa sebab yang munasabah, atau wanita tersebut ketiadaan duit untuk meneruskan sewaan di kediaman tersebut (Taufek, 2021).

Intinya, gabungan tegahan yang terdiri daripada larangan memakai wangian, perhiasan diri dan barang perhiasan, perhiasan pada pakaian, serta larangan meninggalkan rumah merupakan elemen utama dalam pelaksanaan kewajipan *ihdad*, setelah memahami konsep *ihdad* yang digariskan syarak. Larangan kepada perkara-perkara tersebut merupakan bentuk perkabungan atau kesedihan seorang wanita disebabkan kematian suami yang boleh dizahirkan di samping emosi kesedihan, kecelaruan dan lain-lain yang dialami (Ibrahim et al., 2019). Tegahan beberapa amalan khusus dalam tempoh *ihdad* juga berperanan bagi menghalang perkara-perkara yang boleh menghalang matlamat pelaksanaan idah seorang wanita. Konklusinya, gandingan pelaksanaan *ihdad* di samping idah wafat membolehkan beberapa objektif khusus pensyariatan hukum yang terjadi asbab kematian suami dapat dipenuhi apabila konsep *ihdad* ini difahami sekaligus dipraktikkan melalui garis panduan yang telah ditetapkan syarak.

#### 5.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan idah dan *ihdad* merupakan suatu kewajipan yang sememangnya tertakluk di dalam setiap pernikahan yang sah sebagai suatu tanggungjawab yang dikhkususkan kepada kaum wanita. Ia dapat berperanan sebagai suatu tempoh yang membolehkan pasangan suami isteri yang telah bercerai secara talak raj'i untuk kembali semula (rujuk) kepada pernikahan mereka selama belum selesai tempoh idah tersebut. Bagi perceraian yang disebabkan kematian, kewajipan *ihdad* berfungsi sebagai suatu fasa dalam menzahirkan rasa sedih di atas kehilangan suami tersayang di samping mempersiapkan diri dengan kehidupan baru tanpa individu bernama suami sebagai tonggak utama keluarga. Ketetapan idah yang turut disertakan dengan keperluan untuk *ihdad* apabila berlakunya kematian suami juga merupakan suatu bentuk pemeliharaan hak seorang suami dan di samping pembelaan kepada isteri yang ditinggalkan. Pada waktu yang sama, kematian seorang suami juga turut memberi kesan kepada ahli keluarga yang ada, baik secara mental atau fizikal. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai tuntutan *ihdad* yang

merupakan suatu pendekatan agama dalam menghadapi ujian kehidupan sekaligus memelihara kemaslahatan golongan wanita khususnya.

## 6.0 PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada Skim Geran Dana Penyelidikan Universiti (DPU 2.0) bertajuk “Pembangunan Dasar Ber’idah Wanita Bekerjaya Kematian Suami Menurut Syarak”, ref.no. UniSZA/2021/DPU2.0/09 yang dianugerahkan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin; dan diuruskan oleh Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Pengurusan Inkubasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

## 7.0 RUJUKAN

- Afadi, A.A. (2023). Analysis of Modern Women’s Idah and Ihdad From The Fuqaha Perspective. *Proceeding of International Conference on Education, Society and Humanity*. Vol. 1, No. 1. 136-142.
- al-Asqalani, I.H. (1991). *Fath al-Bari fi Syarh Sahih Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Amran, N. N., & Hussin, H. (2020). Wanita Dan Pengurusan Emosi Melalui Pengkisahan Maryam Dalam Al-Quran. *International Journal of Islamic Thought*, 17, 90-100. Doi: <https://doi.org/10.24035/ijit.17.2020.172>.
- Azhar, S. (2019). Islamic Processes of Managing Grief and Loss. Working with Grief, & Traumatic Loss: Theory, Practice, Personal Reflection & Self-Care for Clinicians.
- Baharun, H., Adhimiy, S. (2018). *Limitasi Keluar Rumah Bagi Perempuan ‘Iddah Wafat dalam Perspektif Maslahah Mursalah*. Al-‘Adalah. Vol. 15. No. 1. 151-180.
- Bistricean, C., & Shea, M. (2021). Understanding Bereavement among College Students: Implications for Practice and Research. *International Dialogues on Education Journal*, 8(1), 54–88. <https://doi.org/10.53308/ide.v8i1.244>.
- Bowen, G.A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*. Vol. 9. No. 2. 27-40. DOI 10.3316/QRJ0902027.
- al-Bukhari, A.A.M. (1999). *Sahih al-Bukhari*. Cet. 2. Riyadh: Maktabah Darussalam.
- al-Gharnati, I.M. (2003). *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah li Abi Ishak al-Syatibi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ghazali, A.B. (2002). ‘Iddah dan Ihdad Dalam Islam: Pertimbangan Legal Formal dan Etik Moral. Dalam Tubuh, Seksualitas dan Kedaulatan Perempuan: Bunga Rampai Pemikiran Ulama Muda. Jakarta: RAHIMA-LKiS. 135-167.
- Hassan, R. A. (2016). Pensyariatan Ihdad Sebagai Pembelaan Terhadap Wanita. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016. 22 -23 November. 42-48.
- Ibn Hazim, A.M.A. (456H). *Al-Muhalla bil Athar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Katsir, I. U. (1987). *Tafsir al-Quran al- ‘Azhim*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Ibn Qudamah, A.A. (t.t). *Al-Mughni*. Jil. 7. Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- Ibrahim, A., Min, R.M. & Mohamad, Z. (2019). Women's Grief Death of Husband. *Journal of Business and Social Development*. Vol. 7. No. 1. Publisher of the University of Malaysia Terengganu (UMT).

- Ibrahim, M. Y. (2019). Mazhab Syafie: Pengaruh dan Perkembangannya di Nusantara. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 51-62. DOI: 10.35631/ijhpl.2800.
- al-Kasani, A.A. (2000). *Bada'i as-Sana'i fi Tartib al-Syara'i*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Khin, M., al-Bugha, M. & al-Sharbiji, A. (2012). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhab al-Imam al-Shafi'i*. Vol. 2. Beirut: Dar al-Shamiyyah.
- Khoiri, A., & Muala, A. (2020). 'Idah and Ihdad for Career Women from Islamic Law Perspective. *Journal of Islamic Law*. Vol. 1 No. 2. 256-273. Doi: 10.24260/jil.v1i2.71.
- Long, A.S. (2018). Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahalidia, J.V., Ibrahim, R. (2021). *Masa Iddah Bgai Wanita Karir Yang Ditinggal Meninggal Suaminya Ditinjau Dari Aspek Hukum Islam*. *Jurnal Kertha Negara*. Vol. 9. No. 3. 199-207.
- Maula, B. S. (2014). Kajian al-Ahwal al-Syakhsiyah dengan Pendekatan Maqasid al-Syari'ah. *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 8(2), 233–246. <https://doi.org/10.24090/mnh.v8i2.410>.
- Muslimin, A. (2017). 'Iddah dan Ihdad Wanita Modern. *Jurnal Mahkamah*. Vol. 2. Lampung: Institut Agama Islam Ma'arif NU (IAIMNU).
- al-Nawawi, A.Z.M. (1981) *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Dar al-Fikr.
- al-Qurtubi, A.A. (2010). *Jami' li Ahkam al-Quran*. Tahqiq: Salim Mutafa al-Badri. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ramli, S.M. (1967). *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sabiq, S. (1980). *Fiqh as-Sunnah*. Vol. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Salleh, M., Kamaruddin, N., Dimon, Z., Mansor, N. (2022). Analisis Permasalahan Wanita Berihdad Berkaitan Urusan Kerja Sepanjang Tempoh Berihdad. 6<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6<sup>th</sup> MFIFC 2022). 350-358.
- al-Sarkhosy, S. (t.t). *Kitab al-Mabsuth li Shamsuddin al-Sarkhosy*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Syahriyati, L.I. (2020). The Concept of 'Ihdad Husband Who Lived with Their Wife (Analytical Study of Qiraah Mubadalah's Interpretation). *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat*. Vol. 20, No. 2. 187-194. Doi:[10.19109/nurani.v20i2.5536](https://doi.org/10.19109/nurani.v20i2.5536).
- al-Syrbini, K. (2006). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'an Alfaz al-Minhaj*. Ed. Ali Muhammad Mu'awwad and Adil Ahmad Abd al-Ma'bud. Vol. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Syrbini, K. (2013). *Al-Iqna'fi Halli Alfadz Abi Syuja'*. Beirut: Dar Ibn Hazim.
- Taufek, S.N.T. (2021). Penjelasan Hukum Berkabung (Ihdad) Bagi Wanita Kematian Suami. *Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*.
- Thawilah, A.W.A.S. (2014). Adab Berpakaian dan Berhias. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Wahdah, F.M., Faisol, H.A., Rodafi, D. (2019). Iddah dan Ihdad Bagi Perempuan Dalam Hukum Islam dan Hukum Positif (Studi Analisis Perspektif Gender). *Jurnal Ilmiah Hukum Keluarga Islam*. Vo. 4. No. 1. 83-90.
- Waliko. (2015). Konsep Ihdad dan Idah Bagi Wanita Karir Yang Ditinggal Mati Suaminya. *Jurnal YIN YANG*. Vol. 10, No. 1.

al-Zuhayli, W. (2004). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.